



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2008

PINDAAN KADAR ELAUN PEMBANTU KHAS

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan menaikkan kadar Elaun Pembantu Khas yang diberikan kepada Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan).

LATAR BELAKANG

2. Kadar Elaun Pembantu Khas adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1994.

PELAKSANAAN

3. Kadar baru Elaun Pembantu Khas yang diberikan kepada Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) adalah ditetapkan seperti dalam **Jadual 1** berikut:

Jadual 1 : Kadar Baru Elaun Pembantu Khas

Bil.	Gred Jawatan Pegawai	Gred Jawatan Pembantu Tadbir Kesetiausahaan	Elaun Sebulan (RM)
1.	(i) Jawatan-jawatan Kehakiman seperti di Lampiran A	N32	190.00
	(ii) Jawatan Utama Turus I, II dan III serta yang setaraf		
	(iii) Yang DiPertua Dewan Rakyat dan Yang DiPertua Dewan Negara		
2.	(i) Jawatan Utama Gred A, B dan C serta yang setaraf	N22	150.00
	(ii) Jawatan Gred Khas A, B dan C serta yang setaraf		
3.	(i) Jawatan Gred 48 hingga 54 (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) serta yang setaraf	N17	120.00

PEMBATALAN

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 6.1, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1994 adalah dibatalkan.


TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Mac 2008**.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

2 Mei 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**JAWATAN-JAWATAN KEHAKIMAN
YANG DIPERUNTUKKAN
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) GRED N32**

1. Ketua Hakim Negara;
2. Presiden Mahkamah Rayuan;
3. Hakim Besar Malaya;
4. Hakim Besar Sabah dan Sarawak;
5. Hakim Mahkamah Persekutuan;
6. Hakim Mahkamah Rayuan;
7. Hakim Mahkamah Tinggi; dan
8. Pesuruhjaya Kehakiman